

<http://kampusuols.com/article/194390/Uni-Kita/AKTIVITI-KAMPUS/500-bakal-haji-sertai-Kursus-Intensif-Haji-2018-anjuran-UTHM>

500 bakal haji sertai Kursus Intensif Haji 2018 anjuran UTHM

SURIAYATI BAHAROM, UTHM 26 April 2018

Seramai 500 bakaljemaah haji sekitardaerahBatuPahattelah menyertai Kursus Intensif Haji 2018 (KIH 2018) bagimendapatkan pendedahan berkaitan ibadah haji yang menjadirukun Islam kelimaumat Islam.

Program yang bertujuan memberikefahaman kepada bakaljemaah haji inidianjurkan mahasiswa Kokurikulum Kursus Berkredit Umrah dan Haji (UQD10301) Seksyen 1 di bawah bimbingan Tuan Haji Abd Khalil Abd Rahim, Pengajar Kokurikulum, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengankerjasama Tabung Haji.

Pengurus Tabung Haji Cawangan Batu Pahat, Tuan Haji Md Ghazali Jonet berkata, kursus intensif haji ini merupakan kursus penting untuk memberikefahaman kepada para bakal Duyufur Rahman sebagai persediaan kepada mereka sebelum mengerjakan haji di tanah suci.

Mahasiswa kursus berkenaan turut membantupeserta dalam aktiviti berkaitan umrah dan haji. Mahasiswa kursus berkenaan turut membantupeserta dalam aktiviti berkaitan umrah dan haji.

“Saya amat kagum dengan penganjur yang menggalastanggungjawab yang besar dalam memastikan para peserta dapat mengutip sebanyak mungkin ilmu mengenai ibadah yang menjadikewajipan umat Islam ini di samping turut menjaga kebajikan para peserta yang majoritinya warga emas serta membuat mereka berasaseles sepanjang kursus ini berlangsung,” katanyaketika berucap dalam majlis perasmian di Kompleks Dewan Kuliah Blok G3, UTHM yang turut dihadiri Pengurus Tabung Haji Cawangan Parit Raja, Tuan Haji Jamal Ali.

Walaupun diadakan di dalam perkarangan kampus, namun kursus ini memberibanyak manfaat khususnya para jemaah. Walaupun diadakan di dalam perkarangan kampus, namun kursus ini memberibanyak manfaat khususnya para jemaah.

Menurut Pengarah Program, Abdul Hadi Abdul Rahman dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, seramai 23 orang pelajar Kokurikulum Kursus Umrah dan Haji telah menjadi penggerak utama sepanjang dua hari kursus yang melibatkan teori dan praktikal ini berlangsung. Mereka banyak membantu peserta dalam aktiviti pemakaian kain ihram, taklimat pengurus dan ujian kefahamanserta taturut memastikan keesahan dan keselamatan jemaah terjamin.

Penggunaan slide di dalam kuliah banyak membantu pemahaman kalangan jemaah. Penggunaan slide di dalam kuliah banyak membantu pemahaman kalangan jemaah.

“Kekurangan tenaga kerja tidak melemahkan semangat kami untuk terus menyumbang tenaga bagi memastikan kelancaran penganjuran KIH 2018 kali ini. Walaupun kursus ini hanya berlangsung selama dua hari tetapi hubungan yang terjalin antara uruseti dengan peserta sangat erat seperti sebuah keluarga,” katanya.

Program ini merupakan satu kejayaan besar bagi mahasiswa yang terlibat kerana ia merupakan sebuah program usahasa yang berimpak tinggi yang melibatkan lebih 500 peserta.

Pihak universiti berharap program seumpamanya ini dapat diteruskan lagi sebagai program tahunan bagi meningkatkan iktizamahasiswa UTHM khususnya untuk mengerjakan haji di usia muda. Sahsiah yang baik yang diterapkan sepanjang kursus ini jugalah diharapkan dapat menjadi amalan kepada mahasiswa seterusnya melahirkan profesional berjiwa besar suatu hari nanti.

Program ini diharapkan meningkatkan iktizamahasiswa UTHM untuk mengerjakan haji di usia muda. Program ini diharapkan meningkatkan iktizamahasiswa UTHM untuk mengerjakan haji di usia muda.